

PENOBOWAN LEMBAGA KEMAJUAN

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah mengambil keputusan hendak membentok Lembaga Perkembangan Negara untuk mengarah dan mengawasi ranchangan2 perkembangan di-negeri ini. Lembaga itu ada-lah jauh beza-nya dari jawatankuasa2 perkembangan yang hanya mempunyai tugas memberi nasihat.

Lembaga itu akhir-nya akan memikul tanggung jawab jawatankuasa2 tersebut dan akan di-beri kuasa membuat keputusan2.

Peratoran itu telah di-renchakan untuk menjamin supaya ranchangan2 kemajuan dapat dilaksanakan dengan chara yang lebih kemas dan lichen.

Lembaga itu akhir-nya akan di-bentok sa-mula untuk di-jadikan sa-buah badan yang bebas mentadbirkan hal ahwal-nya sendiri.

Tugas2 lembaga itu terdiri dari tiga perkara yang penting ia-itu:

- ◆ mengkaji ranchangan2 yang belum di-jalankan, menentukan kemustahakan-nya dan, jika perlu, membatalakan sa-barang ranchangan yang di-shorkan oleh jawatankuasa2.

- ◆ menggunakan dan membelanjakan wang yang telah di-untukkan menurut tujuan2 yang dimaksudkan dan jika perlu, memindahkan wang untuk suatu ranchangan kepada ranchangan lain, jika peruntukan bagi ranchangan lain itu di-dapati tidak mencukupi.

- ◆ mentadbirkan wang yang di-untukkan bagi perkembangan yang sekarang ini di-serahkan kepada berbagai2 jawatankuasa perkembangan.

Kerja yang pertama sa-kali yang akan di-jalankan oleh lembaga itu ia-lah perpindahan pen-

duduk2 Kampong Ayer di-Bandar Brunei.


Hampir 700 keluarga telah ber-setuju di-pindahkan ka-darat mengikut tinjauan jawatankuasa perpindahan penduduk2 Kampong Ayer.

Jawatankuasa Perpindahan Penduduk2 Kampong Ayer itu dibentuk dalam tahun 1958 dengan titah Duli Yang Maha Mulia dan terdiri dari 11 orang anggota dengan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad sa-bagai pengerusi-nya.

Lembaga Perkembangan Negara itu akan di-pengerusikan oleh Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Setiausaha dan pegawai pentadbir-nya ia-lah Inche Sa'ad bin Marzuki, Setiausaha Perkembangan.

DYMM BERANGKAT KA-MALAYA MEMBUKA ISTANA BAHARU



Duli Yang Maha Mulia bersalam tangan dengan sa-orang ra'ayat di-lapangan terbang Berakas.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 22 July lepas kerana mengadakan majlis pembukaan "Rumah Awang Alak Betatar", istana baharu baginda di-Kuala Lumpur.

Istana itu berharga lebih dari \$1,000,000 termasuk perkakas dan alat2 perhiasan, telah siap di-bena dalam masa dua bulan lebih kurang dengan perbelanjaan kerajaan.

Dalam majlis yang di-hadiri oleh 150 orang tetamu itu ia-lah Perdana Menteri Persekutuan, Tengku Abdul Rahman dan ahli2 diplomatik di-Kuala Lumpur.

Putera2 Di-raja, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Hassanah Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohammad Bolkiah yang akan tinggal di-istana tersebut telah juga hadir.

Baginda telah berlepas dengan kapal terbang dengan di-iringi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha, Dato Paduka Josef Brand dan juruiring tambahan baginda, Yang Amat Mulia Pengiran Haji Ismail.

Baginda di-jangka berangkat balek ka-Brunei dalam bulan ini.

Sa-hingga itu kewajipan2 baginda di-negeri akan di-jalankan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Duli2 Pengiran itu telah di-umumkan menjadi Pemangku2 Raja.

HARAPAN BESAR DI-MASA HADAPAN

BANDAR BRUNEI. — Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu, Tuan Tan Siew Sin berpendapat bahawa Brunei mempunyai harapan besar tentang perkembangan ekonomi bagi masa hadapan.

Pendapat ini di-nyatakan-nya sa-telah melihat keadaan di-negeri dalam lawatan sa-lama lima hari dari 11 July.

Tuan Tan telah datang ka-Brunei sa-chara tidak rasmi atas jemputan Duli Yang Maha Mulia mengenai beberapa perkara yang bersangkutan dengan kewangan dan perkembangan ekonomi negeri.

Sa-masa berada di-Brunei Tuan Tan telah melawat ka-kawasan minyak di-Seria.

Sa-lain dari melawat pusat penapis gas beliau telah juga melihat chara perusahaan minyak di-selenggarakan di-bangunan pertunjukan Shell.

Beliau telah singgah di-ibu pejabat Pulis Panaga dan bertemu dengan anggota Pulis Diraja Persekutuan dan ahli2 keluarga mereka.

Wakil2 Brunei di-sidang pemuda pemudi

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pemuda dan sa-orang pemudi dari Brunei telah di-pilih oleh Majlis Pemuda Pemudi Brunei untuk menghadiri perhimpunan pemuda pemudi seluruh dunia di-Accra, Ghana dalam bulan ini.

Mereka itu ia-lah Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang di-Pertua Majlis Pemuda Pemudi Brunei dan Dayangku Intan bin Pengiran Apang, ahli jawatan kuasa.

Wakil2 Brunei itu di-jadualkan berlepas dari Brunei dengan kapal terbang pada 6 August.



Inche Sa'ad b. Marzuki

16 penuntut Brunei di-U.K. balek berchuti

BANDAR BRUNEI. — Enam belas orang penuntut Brunei yang belajar di-sekolah2 di-England atas perbelanjaan Kerajaan telah balek ka-sini pada bulan lepas kerana berchuti.

Di-antara penuntut2 ia-lah dua orang wanita, ia-itu Jusnani binti Lawie dan Zarah binti Idris.

Kedua2-nya telah lulus dalam peperiksaan darjah sembilan di-Sultan Omar Ali Saifuddin College. Jusnani berangkat ka-England pada tahun 1958, dan Zaharah sa-tahun kemudian.

Penuntut yang mula2 sa-kali balek ka-Brunei ia-lah Inche Isa bin Haji Ibrahim, anakanda kapada Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Lain2 penuntut tersebut ia-lah Zakaria bin Haji Sulaiman, Adnan bin Haji Abu Bakar, Abdul Aziz bin Haji Umar, Mohamed Ali bin Daud dan Rosli bin

4 pegawai tanaman ka-Malaya

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pegawai Pejabat Tanaman Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 25 July lepas untuk mendapat latehan getah sa-lama sa-bulan.

Mereka itu akan berkursus di-Maktab Getah di-Ayer Pa' Abas, Melaka, dan sa-lepas itu di-Pusat Penyiataan Getah di-Kepong.

Pegawai2 itu ia-lah : Inche Abdul Rahman bin Menteri, Inche Suhaili bin Ali, Inche Ibrahim bin Aziz dan Inche Mihidin bin Haji Bakar.

Peraduan lukisan ia-lah antara sambutan dalam hari keputeraan

BANDAR BRUNEI. — Peraduan lukisan ia-itu salah satu dari acara2 perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia kali yang ke-44 sa-bagaimana tahun2 yang lalu, sedang di-jalankan dan akan di-tutup sa-hingga 18 September.

Peraduan tersebut terbuka kapada orang ramai dan murid2 sekolah.

Terbuka :

(a) Lukisan Pemandangan ; di-kehendaki melukis dengan : (a) Pensil, (2) Chat Ayer dan (c) Chat Minyak.

(b) Lukisan Orang2 Mashhor yang bersangkutan dengan kemajuan dan kemashhoran negeri Brunei.

(3) Lukisan Poster mengenai kemajuan dan kema'amoran negeri Brunei.

(c) Murid2 sekolah :

(a) Lukisan pemandangan ; di-kehendaki melukis dengan : (a) Pensil, (b) Chat Ayer dan (c) Chat Minyak.

(b) Lukisan orang2 mashhor yang bersangkutan dengan kemajuan dan kema'amoran negeri Brunei ; di-kehendaki melukis dengan : (a) Pensil, dan (b) Chat Minyak.

Umar. Semua penuntut2 ini belajar di-Worchester Park School.

Penuntut2 dari Milfield School yang balek ka-Brunei pula ia-lah

di-Milfield School, Naweh bin Hanafiah telah berangkat dari London terus ka-Kuala Lumpur untuk tinggal bersama ayah-nya yang sedang menghadiri kursus ilmu kehutanan di-Kepong, Selangor.

Sementara itu, adalah difahamkan Inche Jaya bin Abdul Latiff, Inche Zaini bin Haji Ahmad dan isteri-nya akan balek ka-Brunei dari England pada bulan ini.



Dari kiri: Zakaria b. Haji Sulaiman, Adnan b. Haji Abu Bakar, Jusnani binti Lawie, Zaharah binti Idris, Rosli bin Omar, Md. Ali b. Daud dan Abdul Aziz b. Haji Omar.

Rahim bin Abdul Latif, Selamat bin Munap, Adnan bin Marsal, Zakariah bin Noordin, Othman bin Haji Yaakub, Mohamed Deli bin Ahmad, Salleh bin Palil dan Mohamed Sunny bin Hussain.

Inche Isa pada masa ini sedang menuntut ilmu undang2 di-England.

Sa-orang lagi penuntut Brunei

PERSIDANGAN SHORKAN BANDUAN DI-BERI GAJI KERANA BEKERJA

JERUDONG. — Banduan2 di-penjara Jerudong mungkin di-bayar gaji kerana kerja2 yang mereka jalankan di-penjara sa-kiranya shor persidangan penguasa2 penjara Persekutuan Tanah Melayu dan Brunei di-laksanakan oleh kerajaan.

Penguasa Penjara Brunei, Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim yang menghadiri persidangan tersebut berkata bahawa antara beberapa perkara yang di-bincangkan dalam persidangan itu ia-lah :

Guru2 agama untuk mengajar banduan,

Gaji bagi banduan,

Khutub khanah di-penjara, dan Pekerjaan tangan bagi banduan.

Semua-nya 70 perkara telah di-bincangkan.

Persidangan itu berlangsung di-

Taiping dari 6 hingga 15 July dan telah di-pengerusikan oleh Inche Murad bin Ahmad, Pesuruh Jaya Penjara, Persekutuan.

Semua-nya penguasa2 penjara dari sa-belas buah negeri di-Persekutuan Tanah Melayu dan Brunei telah mengambil bahagian dalam persidangan itu.

Sa-belum balek ka-negeri masing2 penguasa2 penjara itu telah melawat ka-Sultan Yusof stadium dan di-perkenalkan kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.


Stadium itu di-bena dengan tenaga banduan2 di-Taiping.

Tuan White mengadap Queen

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Tuan D.C. White telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-Istana Buckingham pada 21 July yang lalu.

Tuan White pada masa ini berchuti dan di-jangka akan balek ka-Brunei pada bulan hadapan.

Dalam masa Tuan White berada di-luar negeri, jawatan-nya itu di-pangku oleh Dato Ian William Blleloch.



Pengiran Hidup di-perkenalkan kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.

4 PENUNTUT SOAS DAPAT KURNIA DERMASISWA

SERIA. — Empat orang murid sekolah SOAS di-Bandar Brunei telah mendapat dermasiswa "Pelajaran Tinggi Shell" untuk membantu mereka melanjutkan pelajaran sa-hingga ka-darjah Higher School Certificate.

Murid2 itu ia-lah Abdulah bin Hj. Md. Jaafar, Lim Eng Ming, Salleh bin Hidup dan Yapp Kai. Mereka telah lulus peperiksaan Senior Cambridge.

Dermasiswa itu di-beri sa-lama dua tahun dengan syarat di-baharui dalam tahun 1961 jika perjalanan pelajaran mereka di-dapati memuaskan.

Dengan pemberian yang baharu ini sharikat Brunei Shell telah mengeluarkan sa-banyak \$80,000 sa-bagai dermasiswa kapada penuntut2 di-kawasan2 Borneo British dalam tahun 1960.

Bentuk reban ayam yang baik di-pakai

BANDAR BRUNEI. — Tuan A.K. Sundram dari Jabatan Haiwan, Pejabat Tanaman Brunei menerangkan di-bawah ini chara2 yang baik bagi sa-orang penternak ayam memelihara ayam.

Beliau juga menerangkan bagaimana ayam2 itu boleh di-kenal tentang kebolehan-nya mengeluarkan telur.

Perlu di-tegaskan bahawa ayam itu mengeluarkan telur mengikut baka-nya, dan bagi sa-orang penternak ayam kejayaan yang akan di-chapainya ada-lah bergantung pada kebolehan-nya mengasingkan ayam tidak memberi keuntungan.

Tanda2 yang ada pada ayam2 itu boleh membezakan antara ayam yang baik dengan yang tidak baik dengan tidak payah menyimpan chatetan2 peringat.

Bagi sa-ekor ayam yang banyak mengeluarkan telur, badan-nya hendaklah sehat. Berat-nya tidak kurang dari berat yang biasa di-dapati bagi ayam itu. Matanya hendaklah bersej dan tajam, paroh-nya pendek dan besar, badan pial-nya hendaklah merah berkilat.

Ayam yang banyak mengeluarkan telur itu hendaklah juga lebar, besar dan panjang badan-nya sa-hingga ka-ekor, dan badan itu hendaklah gempal dan tulang dada-nya panjang supaya bahagian dalam badan itu lega untuk membolehkan anggota2 ayam itu bekerja mengeluarkan telur.

Ayam yang bertelur itu biasanya laboh perut-nya dengan jarak 3 atau 4 jari tulang peha hingga ka-hujung tulang dada-nya dan antara 2 atau 3 jari jarak-nya antara tulang peha-nya. Ayam itu janganlah mempunyai kuku yang terlalu panjang, lutut yang bengkok atau dada yang tidak lurus.

1. Chara bebas di-kawasan. Ini hanya boleh di-jalankan sa-kiranya tanah senang di-dapati. Lebih kurang 100 ekor ayam boleh dipelihara bagi sa-ekar tanah.

Chara ini boleh di-jalankan dalam perkebunan besar dan perbelanjaan makanan-nya tidak-lah bagitu mahal.

2. Separoh berkurung.

Chara ini sesuai jika tanah tidak berapa luas. Ini-lah chara yang biasa di-jalankan oleh orang2 yang menternak ayam sa-chara sambilan.

3. Berkurung.

Dengan chara ini ayam2 itu dikurung dalam reban dan tidak dibenarkan keluar. Chara ini di-jalankan jika tanah terlain mahal dan susah hendak di-dapati.

4. Berkurung dalam reban masing2.

Ini-lah chara yang baik sa-kali jika ayam itu hendak membaikkan ayam. Ayam2 itu di-kurung dalam reban masing2 di-sabuh bangunan yang mendapat udara yang bersej dan cahaya matahari. Chara ini memberi keuntungan besar jika ayam2 yang di-pilih untuk di-pelihara itu semuanya sehat.

Bakal2 ibu ayam itu di-kurung dalam reban-nya sa-bulan sa-belum ia bertelur supaya dapat ia bertelur supaya dapat ia mengenal reban-nya. Biasa-nya ayam2 itu di-pelihara sa-lama dua tahun dan sa-lepas itu dijual untuk di-jadikan makanan. Dengan jalan ini pekerjaan dapat di-rengkaskan dan kerja memungut telur pun senang.

Makanan sangat mustahak jika chara ini di-jalankan dan makanan itu hendaklah mengandungi semua zat protein yang di-perlukan, demikian juga zat2 galian dan vitamin. Pasir hendaklah juga di-adakan.

5. Reban yang tebal atas lantai-nya

Chara ini baharu sahaja di-jalankan tetapi sangat di-gemari di-beberapa buah negeri. Dengan chara ini ayam2 itu di-simpan dalam reban2 yang berlantai semen atau papan yang di-dirikan di-atas tiang. Di-atas lantai itu di-serakkan abok kayu, tatal papan atau sekam sa-hingga 6 inchi tebal-nya.

Dalam sa-buah reban saperti ini 200 ekor ayam boleh di-pelihara.

Sa-ekor ayam dalam reban ini hendaklah di-beri kawasan 3 kaki persegi jika ia dari jenis ayam chil saperti white leghorn dan 3½ kaki persegi bagi ayam jenis besar.

Tempat makanan di-letakkan 2 kaki dari reban dan hendaklah chukup besar untuk mengandungi makanan sa-lama 4 hari.

Reban itu di-lengkapkan dengan kayu tenggek, sa-kurang2-nya 3 batang enam kaki panjang bagi tiap2 100 ekor ayam. Tempat ayer minum-nya hendaklah dari jenis automatic yang tidak melempah ayer-nya supaya ayam itu tidak melechakkan lantai reban. Sa-buah tempat minum menum menchukupi bagi 200 ekor ayam.

Sarang untuk ayam bertelur di-letakkan di-atas lantai dengan tiang-nya sendiri supaya berat-nya tidak menekan reban. Reban itu hendaklah sentiasa kering.

Tahi ayam itu sudah tentu menyusahkan tetapi bau-nya tidak bagitu busuk dan akhir-nya menjadi baja yang baik.

Pekerjaan banyak terselamat. Sa-buah bangsal yang mendapat angin yang baik ada-lah mustahak jika reban sa-chara ini hendak mendapat kejayaan.

(Bersambung)

Kereta gigi mulai melawat kampung2

Sa-buah kereta gigi telah menjalankan perkhidmatan-nya memberi ubat kepada penduduk2 kampung di-kampung mereka sendiri apabila ia melawat ka-Kampung Ayer pada 18 July lepas dan memberi ubat kepada murid2 sekolah Melayu Laila Menchanai.

Kereta itu telah di-beli oleh Pejabat Perubatan dan di-lengkapkan dengan harga \$23,100.

Tujuan pertama kereta gigi itu ia-lah memberi rawatan kepada murid2 sekolah di-kampung2 tetapi ia juga akan berkhidmat untok orang2 kampung yang dalam kechemasan berkehendakkan rawatan gigi.

Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab berkata :

"Tujuan pertama mengadakan kereta gigi itu ia-lah untok memberi rawatan kepada murid2 sekolah. Lambat laun tanggong jawab negeri ini akan terserah kepada mereka itu."

DERMASISWA

SERIA. — Sa-orang murid tua sekolah Anthony Abell College di-sini Miss Ohi Hoon Chee telah berlepas ka-Australia dalam minggu lepas untok mengambil kursus menjadi jururawat.

Miss Hoon Chee ia-lah biduanita remaja yang terkenal di-sini kerana suara-nya yang merdu menyanyikan lagu2 barat dan timor dari Pejabat Kenderaan Darat.

Orang2 dewasa, murid2 di-jemput masok peraduan membacha sajak

BANDAR BRUNEI. — Dalam Perayaan menyambut hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei tahun ini kanak2 yang bukan Melayu akan juga di-beri peluang bertanding dalam peraduan membacha sajak.

Peraduan membacha sajak itu ada-lah di-bahagikan kepada enam bahagian, ia-itu orang2 dewasa perempuan, kanak2 laki2 (Melayu), kanak2 perempuan (Melayu) (kanak2 laki2 yang bukan Melayu dan kanak2 perempuan yang bukan Melayu).

Orang2 dewasa laki2 dan perempuan yang hendak masok bertanding dalam peraduan membacha sajak itu bolehlah memilih sajak2 yang di-bawah ini :

Keris Pusaka chiptaan Hang Nadim, Tangisan Terjajah oleh Rahimy Rejab, Tujuan Bakti oleh Masuri S.N., dan Gadis Di-kuboran oleh Tongkat Warrant.

Kanak2 Melayu laki2 dan perempuan boleh memilih sajak2

yang berikut : Arti Derita oleh Masuri S.N., Budi oleh Resie A.M., Menangis Kami oleh Masuri S.N., dan Keazaman-ku oleh Si-Kumbang.

Kanak2 laki2 dan perempuan yang bukan Melayu boleh memilih sajak2 yang di-bawah ini: Menangis kami oleh Masuri S.N., Ibu Pujaan-ku oleh Zabhi, Budi-man oleh Ngumba dan Sampai-kan Salam-ku oleh Masuri S.N.,

Permohonan masok bertanding dalam peraduan membacha sajak itu hendaklah di-alamatkan kepada Setia Usaha Peraduan Membacha Sajak, Sambutan Hari Keputeraan DYMM, Jabatan Penerangan Bandar Brunei tidak lewat dari 6 September, 1960.



Perlawanan gasing sangat di-gemari di-negeri ini oleh orang dewasa dan kanak2. Baharu2 ini satu pasukan dari sa-buah kampung di-Sengkunong telah datang ka-Kampung Tongko untok bertanding. Perlawanan itu telah di-adakan di-sabuh gelanggang dekat sekolah Melayu Gadong.

KESENIAN KERJA TANGAN BRUNEI

DARI KURUN 14

Mujur-lah dalam persabong-an itu ayam anak raja Majapahit telah kalah. Sa-bagai menunaikan pertorohan itu anak raja Majapahit pun menghantar beberapa orang tukang2 sa-bagaimana yang di-janjikan itu.

Tetapi satu riwayat pula mengatakan bahawa zaman negeri Brunei di-bawah pemerintahan Sultan Bolkihah, baginda telah membawa 40 orang ahli2 seni (tukang) dari Jawa dan China untuk membena istana baginda yang lengkap dengan kota parit-nya yang berukuran2 di-Kota Batu, ibu kota negeri Brunei pada masa itu.

Dari dua kenyataan ini kita tidak dapat manafikan, terutama beberapa bakti yang maseh kita dapati pada ukiran2 di-batu nisan makam Almarhum Sultan Bolkihah di-Kota Batu lebeh kurang dua batu jauh-nya dari Bandar Brunei.

HASIL TANGAN

Hingga masa ini maseh kita dapati lagi beberapa hasil buah tangan dari orang2 tukang dahulu itu ada pada satengah, orang Melayu yang menyimpan-nya saperti tekoh (kandi) tempat ayer yang di-perbuat dari pada perak dan tembaga dan dulang yang di-perbuat dari pada kayu yang penoh dengan ukiran2 yang menarek perhatian.

Barang2 yang di-buat mereka pada masa itu sama ada di-perbuat dari pada emas atau perak, tidak sama keadaannya saperti yang ada sekarang ini. Lazim-nya barang2 yang mereka buat pada masa itu ada-lah untuk kegunaan orang2 dalam negeri sahaja ia-itu terdiri dari pada barang2 perhiasan perempuan, barang2 alat perhiasan di-raja dan sedikit2 barang2 perhiasan rumah tangga.

Pendek-nya ukiran2 yang terdapat pada hasil pertukangan mereka itu hanya sesuai dengan chara berfikir mereka pada zaman itu sahaja.

Sungguh pun begitu nilai zaman sekarang ini ada-lah lebeh tinggi lagi kerana pada masa ini kemudahan2 senang di-dapati dan tambahan pula kechergasan otak manusia semakin meningkat mengikut kemajuan zaman.

UKIRAN2 BUNGA

Suatu perkara yang menarek perhatian ia-lah dalam menggunakan ukiran2 bunga pada tiap2 satu benda kita dapati mereka menggunakan bunga chawi ia-itu dengan garis lukisan sahaja.

Tetapi walau bagaimana pun tentang ukiran2 bunga2 atau chara memahat baik di-zaman lampau atau sekarang ini ada-lah tetap pada dasar asal-nya.

Kesenian kerja tangan orang2 Melayu Brunei sa-lain daripada anyam menganyam, bertukang kayu dan bertenun kain ia-lah bertukang perak yang di-kelolakan oleh orang2 Melayu di-Kampung Sungai Kedayan yang menarek perhatian umum sama ada dari dalam dan luar negeri.

Pekerjaan ini telah berjalan dari sejak empat atau lima ratus tahun dahulu ia-itu zaman Sultan Bolkihah, zaman gemilang negeri Brunei.

Sa-benar-nya, Tukang Perak di-Brunei, mengikut cherita2 mulut orang2 tua bahawa pertukangan tersebut ada-lah berasal dari Majapahit kira2 empat atau lima ratus tahun dahulu ia-itu zaman keagongan negeri Brunei di-gugusan Pulau2 Melayu.

Satengah2 riwayat mengatakan bahawa sa-orang anak raja Majapahit telah datang ka-Brunei kerana mengadakan persabongan ayam dengan anak raja Brunei.

Persabongan tersebut sa-lain dari bertarohkan barang2 yang berharga — kedua belah pihak telah berjanji dan bersetuju — terutama anak raja Majapahit sa-kira-nya dia kalah akan menghantar beberapa orang ahli2 seni yang terdiri dari tukang perak, tukang emas, tukang ukir dan lain2.

Kebanyakan perkakas dan alat2 pertukangan untuk membuat sa-suatu barang itu ada-lah di-buat oleh tukang-nya itu sendiri yang di-perbuat dari pada sa-jenis tembaga yang digelar "tembaga tawak2" dan sedikit sa-kali yang di-buat dari pada besi.

JENIS2 PERKAKAS

Jenis2 perkakas dan alat2 yang di-gunakan di-zaman lampau itu maseh lagi di-gunakan pada masa sekarang hanya di-tambah pada sa-tiap masa mana2 yang kurang atau rosak atau kerana membuat sa-suatu perubahan dalam sa-suatu bentuk ukiran yang di-kehendaki.

Pada masa yang akhir ini, Tukang Perak, banyak menggunakan perkakas dan alat yang di-datangkan dari negeri2 Barat ia-itu untuk mensesuaikan bentuk barang2 yang di-

buat-supaya menghasilkan kemudahan2 dalam membuat sa-suatu barang mengikut peredaran zaman.

Sa-belum tahun 1922 perkembangan dan kemajuan Tukang2 Perak tidak begitu memuaskan malah dari sa-tahun ka-satahun berkurangan dan ada di-antara-nya menukar penghidupan lain dan ada sa-tengah-nya merantau ka-tempat lain untuk menjalankan pertukangan tersebut. Chara yang demikian ini sa-makin menda-tangkan kemundoran.

SEBAB MUNDOR

Sebab2 Tukang2 Perak itu menempoh kemundoran kerana hasil kerja mereka hanya untuk penduduk dalam negeri sahaja dan perhubungan untuk keluar negeri tidak di-adakan, tambahan pula hasil pertukangan mereka tidak di-sesuai-kan dengan kehendak masa.

Dalam tahun 1922 satu rombongan Tukang2 Perak telah di-hantar ka-Singapura atas perbelanjaan kerajaan untuk menghadhiri suatu pertunjukan kerana meraikan kedatangan Prince of Wales (Putera Mahkota British). Dari sejak itu-lah hasil pertukangan perak Brunei telah di-kenal oleh negeri luar dan sebab itu-lah juga Tukang2 Perak pun telah menyedari betapa kemundoran mereka dalam kesenian membuat kerja2 yang mereka lak-sanakan itu.

Mulai dari tahun itu-lah mereka telah berusaha dengan sa-keras2-nya menchari jalan kemajuan untuk mensesuaikan hasil pertukangan mereka dengan kehendak masa.

KESENIAN BANGSA

Memandang bahawa pekerjaan Tukang Perak ini ada-lah kebudayaan dan kesenian sa-suatu bangsa dan negara yang sa-wajar-nya di-perkembangkan maka kerajaan telah berusaha dan mengambil perhatian berat untuk memberi perlongan supaya perkembangan-nya berjalan dengan lancar.

Antara usaha2 kerajaan itu ia-lah menubuhkan sa-buah pusat tempat pameran barang2 kesenian dan hasil kerja tangan ini sa-lain mengawasi2 hal2 pekerjaan Tukang Perak dalam Brunei ia-lah juga mengawasi segala pekerjaan tangan saperti bertenun kain dan menganyam tikar dan lain2 untuk mengurus pesanan2 dari luar negeri.

Kerajaan telah menghantar sa-orang dari pada Tukang2 Perak itu belajar di-sabuah maktab Royal College of Arts di-London sa-lama sa-tahun. Beliau itu ia-lah Yang Di-Muliakan Pehin Maharaja Di-Raja Awang Abd. Rahman bin Haji Md. Taha.

MENCHARI KEMAJUAN

Untuk menjaga kepentingan seluruh Tukang Perak itu maka dalam tahun 1951 tertubohlas sa-buah persatuan yang bernama Sharikat Tukang Perak Melayu oleh Tukang2 Perak itu untuk menchari kemajuan2-nya.

Dengan terbentok-nya persatuan itu pekerjaan Tukang2 Perak telah berjalan dengan lancar sa-bagaimana yang kita saksikan pada masa ini.

Pada tiap2 tahun hasil2 pekerjaan mereka telah menda-tang tempat dalam pameran semenjak tahun 1925.

Barang2 yang di-pertunjokkan itu telah mendapat perhatian dari orang ramai tentang

(Lihat muka 5)



Barang2 perak, kain tenun dan tikar pandan dan mengkuang, hasil perusahaan tukang2 Melayu Brunei, di-jual dan di-pamerkan di-pusat Arts and Craft Centre di-Bandar Brunei.

Sebab2 rumah2 di-bandar perlu di-banchi

BANDAR BRUNEI. — Pekerjaan membanchi rumah di-kawasan2 bandar bagi kali pertama-nya di-negeri ini hampir selesai. Semua keterangan yang akan di-buktikan dalam penyata-nya kelak telah di-dapati sa-masa menjalankan kerja membanchi penduduk dalam bulan May lepas.

Kertas2 berkenaan dengan banchi rumah sudah pun di-kumpulkan di-ibu pejabat banchi bagi kawasan2 Borneo British di-Kuching dan angka2-nya akan di-semak tidak lama lagi.

Apa-kah sebab2-nya rumah2 di-banchi dan apa-kah perkara2 yang terkandung dalam kerja banchi itu?

Banchi rumah di-jalankan tugas-nya untuk memberi pehak2 yang berwajib dengan perumahan dan kemudahan2 yang berkaitan dengan perumahan, keterangan2 yang akan di-jadikan asas untuk ranchangan2 bagi masa hadapan.

Mithal-nya, majlis2 bandaran dan sharikat2 perumahan perlu

mengetahui berapa banyak-kah antara rumah2 itu di-diami oleh lebih dari satu keluarga dan berapa ramai-kah orang2 yang tinggal dalam sa-buah bilek dan berapa banyak-kah rumah2 sementara untuk meranchanakan ranchangan2 perumahan bagi masa hadapan.

Lembaga perbekalan ayer pula perlu mengetahui berapa banyak-kah rumah dalam sa-suatu kawasan yang tidak mengambil bekalan ayer dari paip2 ayer supaya dapat ia menimbangkan ranchangan perkembangan bekalan ayer bagi masa hadapan.

Demikian juga pejabat listrik mengambil berat tentang perbekalan listrik bagi kawasan itu.

Pihak yang berkuasa tentang kesehatan pula mengambil berat berkenaan dengan keadaan kemudahan2 kebersihan.

PERKARA MUSTAHAK

Oleh kerana perumahan ia-lah satu perkara yang mustahak kerana kebajikan rayat di-seluruh dunia, keterangan2 tentang darjah perumahan dan kemudahan2 yang bersangkutan dengan perumahan ia-lah satu perkara yang sangat mustahak di-fikirkan oleh kerajaan dan pehak2 yang berwajib.

Dalam penyata banchi rumah itu akan di-nyatakan bilangan rumah2 batu, rumah2 yang di-buat dari batu dan kayu dan rumah2 sementara di-kawasan2 bandar.

Beberapa ramai-kah orang tinggal dalam rumah2 tersebut, sama ada mereka itu menduduki rumah sendiri atau menyewa rumah dan sama ada mereka mendapat bekalan ayer dan listrik dan apa-kah jenis kemudahan kebersihan yang di-adakan di-rumah2 itu.

Keterangan2 atas sa-sabua bandar itu akan di-umumkan kelak.

Saperti dalam banchi penduduk, butir2 itu tidak akan menyebut nama sa-sorang tetapi memberi pandangan kepada bandar sahaja tidak dengan memberi pandangan sedikit pun berkenaan dengan orang2 yang berkenaan dalam sa-buah rumah.

KERTAS BANCHI

Pada masa kertas2 banchi itu sampai di-pejabat banchi di-Brunei ia-nya di-semak supaya kesalahan2 dapat di-pastikan dan selepas itu di-Kuching pula semua jawapan2 saperti "rumah sa-buah", "rumah batu", "jamban angkat" dan lain2 di-jumlahkan mengikut peratoran2 yang telah di-tetapkan.

Sa-takat ini-lah kerja itu telah selesai pada masa ini.

Tidak lama lagi kertas2 itu di-hantar kepada bahagian statistik di-Kuching dan -situ-lah kelak angka2 itu akan di-pindahkan kadalam card2, satu card bagi sa-buah rumah, dan card2 itu kelak di-asingkan oleh jentera2.

Card2 itu telah di-reka khas dan di-chetak untuk di-gunakan kerana banchi rumah di-Borneo. Dari angka2 yang di-dapati oleh jentera2 itu akan di-susun satu jadual atau daftar yang mu'tamad.

Oleh sebab ini-lah kali pertama banchi rumah di-jalankan di-Brunei, kerja itu merupakan satu perhubungan tetapi sa-takat ini nampak-nya mendapat kejayaan dan keterangan2 yang berguna akan di-dapati dari kerja itu.

DI-BANDAR SAHAJA

Satu pertanyaan lagi tentang banchi: apa-kah sebab-nya banchi itu di-jalankan di-bandar sahaja? Ada dua sebab.

Pertama, di-satengah2 kawasan luar bandar susah hendak mendapat orang2 yang layak menjalankan kerja tersebut, pada hal di-bandar2 mereka itu senang hendak di-dapati.

Kedua, sa-barang ranchangan kemajuan yang di-ranchanakan bagi kawasan2 luar bandar tidak mungkin di-jalankan sa-belum banchi yang akan datang.

Yang demikian perbelanjaan dan kesusahan meluaskan kerja banchi rumah itu tidak-lah dapat di-sesuaikan.

Akan tetapi dari pengalaman yang di-dapati dalam tahun ini boleh-lah kerja banchi rumah itu di-perluaskan dalam tahun 1970 sa-kira-nya ada desakan supaya keterangan2 bagi satu kawasan yang lebih luas di-kehendaki.

PERADUAN BAHATH HARI JADI D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Peraduan bahath dan sharahan akan di-adakan sabagai satu acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan tahun ini.

Peserta2 dalam peraduan tersebut hendak-lah menghantar permohonan2 mereka tidak lewat dari 10 August, 1960.

Bahathan itu terbahagi kepada dua bahagian ia-itu terbuka kepada orang2 dewasa laki2 dan perempuan dan kepada murid2 sekolah2 daerah Brunei hingga darjah VII. Tiap2 pasokan hendak-lah terdiri dari tiga orang peserta.

Peraduan sharahan terbahagi kepada dua bahagian ia-itu terbuka kepada orang2 dewasa laki2 dan perempuan dan murid2 sekolah daerah Brunei sahaja, masa bersharah 5 minit sahaja.

Tajok2 sharahan hendak-lah di-hantar kepada setiausaha peraduan tersebut untuk di-tapis.

Pemilihan peraduan2 tersebut akan di-adakan sa-chara pukul mati.

Permohonan hendak-lah di-alamatkan kepada: Setiausaha Peraduan Bahath dan Sharahan, d/a SMJA, Brunei.

BERLATEH DI-MAKTAB PULIS U.K.

BANDAR BRUNEI. — Inspektor Abdul Latiff bin Dato Hussein dari Pasokan Pulis Brunei akan berangkat ka-England pada bulan ini untuk berlateh di-Maktab Latehan Pulis Metropolitan Hemdon.

Beliau di-lahirkan di-Malaya 26 tahun dahulu dan telah berkhidmat dengan pasokan Pulis Negeri Brunei semenjak bulan October 1955.

Pada masa ini Inspektor Latiff berkhidmat di-Daerah Seria/Belait.

Beliau terkenal di-kalangan sukan terutama sa-kali di-Daerah Seria/Belait. Baharu2 ini beliau telah di-lantek menjadi naib yang dipertua Persatuan Hokey Brunei.

Barang2 dapat perhatian awam

(Dari muka 4)

bentok dan kehalusan perbuatan ukiran bunga2 mereka yang tersendiri itu. Kadang2 ada sa-tengah-nya barang2 itu menghairankan kerana kehalusan perbuatan-nya dan bentuk-nya yang di-buat oleh Tukang2 Perak dari Brunei itu.

Ini, ada-lah menunjukkan Tukang2 Perak di-Brunei mempunyai kesenian tentang mutu perbuatan-nya kalau di-

banding dengan barang2 yang di-buat dengan jentera.

Ada kemungkinan tidak berapa lama lagi dengan anjoran kerajaan akan mengadakan kelas untuk mempelajari Pertukangan Perak kepada budak2 sekolah yang chenderong dalam pekerjaan itu dengan kelolaan Pehin Maharaja Di-Raja Awan Abd. Rahman bin Haji Md. Taha, sa-orang dari Tukang Perak yang sudah terlateh di-England itu.

Masa bekerja Tukang Perak ini ada-lah mengikut waktu jabatan kerajaan, dan hasil2 pekerjaan mereka sa-lain di-hantar ka-Brunei Arts and Crafts juga di-perniagakan kepada orang pada bila2 masa.

Kampung Sungai Kedayan ada-lah menjadi tumpuan pelawat2 luar negeri kerana tukang perak-nya, anyaman tikar-nya dan tenunan kain-nya.

Tiada minyak di-Jerudong

JERUDONG. — Sa-buah tegala minyak yang di-korek oleh sharikat minyak Brunei Shell di-timor Jerudong telah di-tutup dan di-tinggalkan.

Sharikat itu telah mengorek dalam 10,343 kaki tetapi minyak tidak di-dapati.

Perkhidmatan wanita Melayu menimbulkan soal

BANDAR BRUNEI. — Hari ini ramai wanita Melayu telah keluar dari rumah dan bekerja di-pejabat2 kerajaan, pejabat2 perdagangan dan bekerja di-kantor2 sa-bagai pelayan atau penjual barang2.

Perkara ini telah menimbulkan soal kerana dalam mencapai kemajuan dalam lapangan pekerjaan, mereka di-katakan meruntuhkan ikhlak.

Wanita2 itu tidak meruntuhkan ikhlak. Mereka itu hanya mengikut aleran masa yang mendesak kaum wanita supaya keluar bekerja.

Wanita Melayu sudah insaf akan tanggung jawab-nya kepada masyarakat, sebab masyarakat itu meliputi kaum wanita juga.

Kaum wanita telah sedar akan kerugian mereka sa-lama ini dan sekarang mengetahui sifat kemerdekaan yang sa-benar-nya.

Sudah sa-wajib-nya mereka mengambil tempat di-sisi kaum laki2 di-mana sahaja ada pekerjaan yang sesuai di-selenggarakan oleh tenaga wanita.

Pejabat perubatan memerlukan tenaga wanita sa-bagai juru rawat yang paling mustahak dalam jurusan perubatan. Ini ia-lah satu perkhidmatan yang paling mulia buat kaum wanita.

Merawat orang sakit dan malang itu ia-lah satu perkhidmatan yang besar dan itu juga satu amal ibadat kepada masyarakat seluruh-nya.

Bekerja sa-bagai guru ia-lah berdiri sa-bagai tiang negara diatas mana segala chara pendidikan tertanggung kepada-nya. Bukan sahaja ibu bapa yang akan menjadi tuladan kepada pendidikan anak2 atau kemasyarakatan, tetapi guru juga menjadi tuladan besar kepada pendidikan di-bangku sekolah.

Bekerja sa-bagai kerani dan ie-beh lagi sa-bagai pemimpin adalah untuk mengenal hal ehwal negeri dan dunia seluruh-nya. Dalam segala lapangan dalam perkhidmatan negeri, tenaga wanita sama perlu dan sama banyak di-kehendaki bagi menjalankan.

Wanita yang bekerja sa-bagai penjual barang di-toko2 sama-lah tujuan-nya, ia-itu menyumbangkan tenaga di-mana sahaja mereka di-kehendaki.

Bekerja sa-bagai orang gaji atau pengasoh juga sangat perlu kepada masyarakat kerana ini

ia-lah satu kebajikan daripada sa-orang kepada sa-orang lain.

Orang2 dahulu berpendapat bahawa kaum laki2 sahaja yang sudah sa-wajib-nya bekerja untuk kaum wanita dan ahli2 yang bertanggung kepada-nya.

Dalam zaman kemajuan ini, kaum wanita wajib menchari nafkah atau rezki-nva yang halal untuk diri dan tanggungan-nya.

Jika wanita sudah mengerti

tanggung jawab-nya dan berusaha menjalankan tugas-nya, ibu bapa tidak akan merasa rugi atas rahmat yang di-chuchurkan Tuhan kepada diri-nya kerana mempunyai anak perempuan.

Sa-lain dari jawatan2 yang tersebut, kaum wanita Melayu juga layak menjadi tukang jahit di-kedai sama ada bekerja sendiri atau makan gaji denagn orang lain.

Banyak lagi jawatan2 yang kaum wanita harus memegang, seperti jawatan2 di-pejabat2 kerajaan.

Kantor2 perdagangan juga berkehendakkan pekerja2 perempuan bagi membuat pekerjaan tangan yang berbagai2 jenis. (Halimah Hussin).



Wanita2 Brunei yang mengambil bahagian dalam sukan negara2 Borneo British di-Jesselton dalam bulan lepas telah berjaya memenangi pertandingan membalik piring besi, dan membalik peluru (Clare Sibidol) dan membalik lembing (Wong Mun Yun).

DATO DR. BRAND SINGGAH DI-BRUNEI DALAM PERJALANAN MENGELILINGI DUNIA

BANDAR BRUNEI. — Dato Paduka Doktor Josef Brand sa-orang pakar perubatan dari England telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan beliau mengelilingi dunia.

Sa-lepas berada di-Brunei selama tiga hari Doktor Brand telah mengiringi Duli Yang Maha Mulia ka-Kuala Lumpur.

Di-sana Doktor Brand telah menghadhiri istiadat pembukaan Istana Duli Yang Maha Mulia yang baharu sahaja di-bena.

Dalam satu temu ramah yang

di-adakan di-Bandar Brunei, Doktor Brand menyatakan bahawa beliau berasa gembira dapat mengadap Duli Yang Maha Mulia yang telah mengurniakan kepada-nya bintang kehormatan D.P.M.B. (Dato Paduka Mahko-

PERADUAN MENGARANG

BANDAR BRUNEI. —

Satu peraduan mengarang akan di-adakan sa-bagai menyambut hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Peraduan itu ada-lah di-bahagian kepada dua bahagian, ia-itu cerita pendek dan renchana atau makalah.

Para peserta ada-lah diberi kebebasan mengarang sa-barang cerita pendek mengenai sejarah atau masyarakat. Panjang-nya ia-lah di-antara 1,000 dan 1,500 perkataan.

Dalam bahagian renchana atau makalah, tajok-nya terpulung-lah kepada para peserta memilih sendiri dan panjang-nya tidak di-hadkan.

Semua karangan itu hendak-lah di-alamatkan kepada Inche Zain Ariff, Setia Usaha Peraduan Mengarang, Sambutan Hari Keputeraan DYMM, di-Jabatan Penerangan, Bandar Brunei tidak lewat dari 31 August, 1960.

Ka-Australia

BANDAR BRUNEI. — Der-masiswa kerana menuntut di-universiti2 dan kolej2 Amerika adalah di-tawarkan oleh Kerajaan Amerika Sharikat kepada penuntut2 di-kawasan2 Borneo British.

Kenyataan yang lebeh lanjut boleh di-dapati dari Pejabat Penerangan Amerika Sharikat di-Singapura.

ta Brunei Yang Amat Di-hormati).

Beliau telah memuji semua penuntut2 dari Brunei yang sedang belajar berbagai2 ilmu di-England.

Bukan sahaja mereka rajin belajar, bahkan supan santun mereka sangat-lah baik dan mereka di-sebutkan sa-bagai "Duta2 Yang Tidak Resmi Negeri Brunei".

ISTIADAT MENGGELAR DI-KAMPONG MASIN DAN SENGKURONG


SENGKURONG. — Satu istiadat mengurniakan gelaran Yang Mulia Orang Kaya Maharaja Dinda kepada Tuan Haji Saman bin Haji Tamit, Penghulu Kampung Sengkurong telah di-langsungkan pada hari Ahad yang lalu.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh, Kadhi Besar, Negeri Brunei telah mengishtiharkan gelaran tersebut dengan rasmi-nya.

Ramai kaum keluarga Tuan Haji Saman, penduduk2 Kampung Sengkurong dan kampung2 yang berhampiran serta lain-nya dari beberapa tempat telah menyaksikan istiadat itu.

Satu lagi istiadat mengurniakan gelaran yang baharu akan di-adakan di-Kampung Masin, Brunei pada hari ini.

Gelaran yang baharu itu, Yang Mulia Orang Kaya Laila Negara, akan di-ishtiharkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Mohomed kepada Tuan Haji Tuah bin Orang Kaya Setia Bakhti Muhammad.



Tukang2 perak Melayu bekerja di-sabuah bangunan khas di-Sungai Kedayan.

Rombongan sukan Brunei mendapat kejayaan di-Jesselton

BANDAR BRUNEI. — Brunei telah berjaya memenangi gelaran naib johan dalam pertandingan sukan antara Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara yang telah di-adakan di-Jesselton baharu2 ini.

Ini-lah kali yang pertama Brunei mencapai kejayaan yang paling gemilang itu semenjak pertandingan sukan tersebut di-mulai lima tahun dahulu.

Brunei telah mendapat 41 mata dalam pertandingan tersebut, ia-itu 27 mata dalam bahagian laki2 dan 14 mata dalam bahagian perempuan, di-ikuti oleh Sarawak yang telah mendapat 26 mata dalam bahagian laki2 dan 10 mata bahagian perempuan.

Borneo Utara, johan pertandingan itu semenjak tahun 1955 telah mendapat sa-banyak 78 mata, mengandungi 49 mata dalam bahagian laki2 dan 29 mata bahagian perempuan.

Gabnor Borneo Utara, Sir Wil-

telah jatuh nombor kedua dalam perlumbaan itu.

Meskipun Senin Metali mendapat gelaran yang kedua dalam perlumbaan tersebut, tetapi ia telah dapat mengatasi rekod Brunei yang lama dalam lumba

menjak beberapa tahun yang lalu, telah menang pertandingan membaling piring besi dan membaling peluru.

Ia kalah dalam pertandingan membaling lembing. Tetapi pemenang pertandingan itu Wong Mun Yun ia-lah dari Brunei.



Rombongan ahli2 sukan Brunei ka-sukan tiga buah negara Borneo British di-Jesselton bergambar ramai dengan manager dan jurulatih mereka.

liam Goode telah membuka temasha sukan itu dengan rasminya di-padang lumba kuda Jesselton pada petang hari Jumaat 15 July.

Temasha sukan itu di-teruskan hingga ka-hari Sabtu 16 July dengan beroleh kejayaan yang besar, dalam mana beberapa rekod yang baharu telah dapat di-atasi.

Ketua pasokan Brunei, K.C. Mathews telah mengejutkan para penuntun yang belum pernah melihat-nya berlari apabila ia berjaya memenangi lumba lari lompat pagar sa-jauh 440 ela.

Ketua pasokan Brunei itu juga telah memberi keuntungan yang besar kepada pasokan-nya dalam perlumbaan lari berganti2 sa-jauh sa-batu.

Brunei, di-wakili oleh Mathews, Senin Metali, Hassan Ibrahim dan H.L. Arabi telah berjaya memenangi lumba lari tersebut dengan mengambil masa 3 minit 37.9 saat dan memecahkan rekod Sarawak 3 minit 38 saat yang di-lakukan pada tahun 1958.

Senin Metali johan lumba lari sa-batu dari Brunei telah tidak sama sa-kali memustuskan harapan peminat2 sukan dari Brunei dalam perlumbaansa-batu. Ia

lari sa-batu apabila ia mengambil masa 4 minit 48.2 saat.

Aloysius Sibidol yang chukup terkenal dalam gelanggang sukan dari Brunei telah tidak bernasib baik dalam pertandingan sukan di-Jesselton baharu2 ini.

Sibidol yang telah menjadi johan dalam pertandingan membaling lembing dan membaling piring besi di-temasha sukan seluruh Borneo semenjak beberapa tahun yang lalu telah kalah dalam pertandingan itu.

Sungguh pun Sibidol tidak berjaya memenangi pertandingan2 membaling lembing dan membaling piring besi, akan tetapi ia telah dapat mempertahankan gelaran-nya dalam pertandingan membaling peluru.

Sibidol telah membaling peluru itu sa-jauh 41 kaki 6 inchi, di-ikuti oleh Eric Chin dari Borneo Utara sa-jauh 40 kaki 9½ inchi dan Tan Cheng Chew dari Sarawak sa-jauh 36 kaki 11 inchi.

Clare Sibidol, anak perempuan A. Sibidol yang dapat mengikuti jejak langkah ayah-nya dalam pertandingan2 membaling lembing, membaling piring besi dan membaling peluru dalam pertandingan sukan seluruh Borneo se-

Dalam pertandingan membaling peluru pula Clare Sibidol telah membaling sa-jauh 29 kaki 7 inchi, ia-itu satu rekod yang baharu.

Wong Mun Yun dari Brunei telah memenangi pertandingan membaling lembing sa-jauh 77 kaki 5 inchi. Clare Sibidol yang mendapat gelaran yang kedua telah membaling peluru itu sa-jauh 74 kaki 10½ inchi.

Kesemua-nya Brunei telah berjaya memecahkan empat rekod yang baharu. Brunei mendapat enam gelaran pertama dan enam gelaran kedua.

BOLA SEPAK PASOKAN2 PULIS

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pulis Bandar Brunei telah mendapat mata yang tinggi sa-kali dalam perlawanan bola sepak antara pasokan2 pulis di-Negeri Brunei hingga ka-hari Rabu lepas.

Pasokan2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu ia-lah Pulis Bandar Brunei, Pulis Kuala Belait, Angkatan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Seria dan Field Force Sarawak di-Seria.

Jawatankuasa tennis klab Brunei

BANDAR BRUNEI. — Brunei Tennis Klab telah mengadakan meshuarat agong ulang tahun-nya baharu2 ini.

Pegawai2 baharu klab itu yang di-lantek dalam meshuarat tersebut ia-lah pengerusi, Tuan T. Mackie; setia usaha, Tuan Lim Som Chuan; penyimpan wang, Tuan Marcus Chong dan beberapa orang ahli2 jawatan kuasa.



Pasokan hokey Pulis Kuala Belait telah berjaya menjadi iohan dalam pertandingan hokey Daerah Belait untuk merebutkan Piala Wernham pada tahun ini. Gambar ini menunjukkan ahli2 pasokan tersebut.

GERAKAN2 UNTUK MENUBOHKAN KERAJAAN KOMUNIS

KUCHING. — Satu pertubohan rahsia komunis yang kecil tetapi chergas yang tujuan akhir-nya hendak menubuhkan kerajaan yang sah dengan mengadakan pemberontakan dan menggantikan-nya dengan sa-buah kerajaan komunis telah di-ketahui di Sarawak, mengikut satu kertas meshuarat yang akan di-bentangkan dalam Majlis Meshuarat Negeri pada 17 August.

Kertas itu menyatakan bahawa banyak keterangan2 yang menunjukkan tentang ada-nya pertubohan rahsia komunis itu yang bergerak dengan chergas dan di-selenggara dan di-arahkan dengan teliti serta langkah2 keselamatan yang kuat di-ambil untuk menyembunyikan tentang ujud-nya.

Pertubohan ini menggunakan "chara2 biasa yang di-pergunakan oleh pihak komunis dengan bekerja sa-chara bersembunyi, dan menyusup ka-dalam badan2 dan pertubohan2 yang terkenal, khas-nya pertubohan2 buroh dan kebangsaan yang berhaluan kiri dan bebas.

Dalam satu amaran kepada rayat Sarawak, kertas itu menerangkan bahawa dengan lahir-nya parti2 politik di-tanah jajahan ini telah memberi kesempatan kepada pertubohan rahsia tersebut untuk bergerak sa-chara bersembunyi.

Ketua2 dan ahli2 parti mestilah sedar akan bahaya ini supaya mereka boleh berjaga2 dari penyusupan yang menchuri2," kertas itu menyatakan.

Kertas itu menyatakan bahawa pertubohan rahsia ini ujud dan mempunyai kekuatan di-antara orang2 China tetapi ini ada-lah jauh sa-kali dari mewakili orang2 China seluruh-nya.

Menyelideki latar belakang pertubohan rahsia komunis ini, kertas kerajaan itu telah menceritakan perihal penubohan Pertubohan Pemuda Pemudi Demokratik China Seberang Laut Sarawak ia itu pada hari sa-belum pemogokan penuntut2 sekolah-menengah Chung Hua dalam bulan October, 1951.

Sungguh pun dharurat tahun 1952 yang sengkak itu telah menamatkan riwayat hidup pertubohan itu dan satengah2 dari ahli-nya telah di-buang negeri atau terpaksa lari keluar negeri untuk mengelakkan dari tertangkap, tetapi masih ada baki ahli2 yang menchukopi untuk meneruskan tujuan sabversiv pertubohan itu dan dalam tahun2 yang berikutan, telah berjaya meluaskan gerakan2-nya ka-dalam beberapa lapangan dan menambah ahli2 dan pengarah-nya," kertas itu menyatakan.

"Sekarang pertubohan ini dikuasai oleh satu jawatankuasa pusat yang bergerak melalui beberapa jawatankuasa kerja dan jawatankuasa daerah. Di-perengkat bawah ia-lah bilek2 persendirian dan kumpulan2 'Hsueh Hsih' (Berlajar untuk bertindak).

Kertas itu telah menerbitkan beberapa chabutan dari beberapa banyak surat2 dokumen yang ada di-tangan kerajaan Sarawak yang

memberi sa-chara rengkas akan tujuan2 dan dasar pertubohan itu.

Satu daripada-nya ia-lah "Manifesto atas Penubohan Parti Komunis Borneo" yang menyatakan bahawa satu daripada tujuan-nya ia-lah untuk menubuhkan pemerintahan Penjajah British" dan juga menyebut tentang "Saudara tua kita, Party Komunis Soviet Russia dan Party Komunis China."

Kertas itu menunjukkan bahawa pertubohan komunis itu mengarahkan sa-bahagian besar dari usaha2-nya kepada gerakan2 sabversiv di-antara penuntut2 sekolah supaya dapat membentok di-

dalam sekolah2 Sarawak satu badan yang mempunyai kepercha-yaan, dan mempunyai chara berfikir yang "betul" dan taat setia kepada ketua2.

Kumpulan2 Hsueh Hsih bergerak sa-chara sulit di-antara penuntut2 di-beberapa banyak sekolah2 di-seluruh Sarawak.

Pertubohan itu juga tidak lupa dari menggunakan pergerakan2 biasa yang sehat yang penuntut2 adakan pada masa berkelah, permainan sukan dan musik dan lain2 pergerakan untuk menchapai tujuan-nya.

Gerakan2 yang tidak mengkhuatirkan ini ada-lah di-gunakan untuk membentok fikiran2 yang muda ka-hala chara berfikir komunis dan juga untuk menchari ahli2 yang baharu, "kertas itu menyatakan.

"Tujuan pertubohan itu juga ia-lah untuk menguasai beberapa buah pertubohan buroh yang berdaftar di-Kuching dan Sibudengan menyiarkan di-ayah2 komunis di-antara pekerja2 dengan tujuan sa-lanjut-nya untuk menguasai penoh akan pergerakan2 buroh di-seluruh Sarawak."

KEMAJUAN LUAR BANDAR SEDANG DI-LAKSANAKAN DI-PERSEKUTUAN

IPOH. — Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak menyatakan bahawa "kemajuan yang memuaskan" sedang di-chapai di-seluruh negeri dalam usaha mempersiapkan ranchangan2 untuk pembangunan luar bandar.

"Semua jawatankuasa2 daerah di-seluruh negeri sedang berjalan lancar memenohi jadual kemajuan," kata-nya lagi.

Tun Razak juga menyatakan bahawa beliau telah mendapat perkhidmatan sa-orang pakar tentang perusahaan2 kampung dan luar bandar, Dr. Joseph E. Stepanek sa-lama dua bulan sa-bagai penasihat.

Dr. Stepanek telah di-pinjam daripada India di-mana beliau di-perbantukan kepada Kementerian Perusahaan.

Sa-telah dua bulan di-Malaya, Dr. Stepanek akan pulang ka-India dan ada-lah di-harapkan, menurut Tun Razak lagi, bahawa sa-telah dia selesai berkhidmat di-India, beliau akan dapat datang sa-mula ka-Malaya.

Dr. Stepanek yang berkhidmat sa-bagai sa-orang pakar Bangsa2 Bersatu di-Asia sa-lama 14 tahun, telah berkhidmat di-Burma, China, India dan Indonesia.

Sa-bagai tanda penghargaan-nya terhadap kelancaran kerja jawatankuasa itu, Tun Razak meluluskan peruntokan khas sa-jumlah \$20,000 untuk perkhidmatan2 rencham jawatankuasa itu yang tidak termasuk di-dalam ranchangan "Buku Merah".

Jawatankuasa itu telah meminta peruntokan \$40,000 untuk ranchangan2 rencham-nya.

Kapal haji baharu tahun 1961

PULAU PINANG. — Jema'ah haji Malaya dan Brunei akan dapat belayar dalam bilek2 yang berhawa dingin mulai musim haji tahun hadapan ini.

Kapal "Kuala Lumpur", berat 13,000 tan, sa-buah kapal haji yang baharu sa-kali di-pergunakan kelak oleh sharikat perkapalan haji itu akan mengadakan perkhidmatan yang pertama sa-kali ka-Jeddah mulai tahun 1961.

Kapal ini dua kali ganda besarnya dari kapal haji "Anking" atau "Anshun" yang berkhidmat

sekarang.

Kapal "Kuala Lumpur" akan membawa 800 orang penumpang kelas satu yang berhawa dingin dan 1,600 orang penumpang kelas tourist.

Sa-buah surau yang berhawa dingin dan sa-buah kolam mandi akan juga di-sediakan di-kapal tersebut.

SIAM BERI KEMUDAHAN KAPADA MELAYU

BANGKOK. — Menteri Dalam Negeri Siam, Prapas Charu-sathien, telah menapikan satu tuduhan bahawa kerajaan-nya telah bertindak sa-chara tidak adil terhadap orang2 Melayu di-Selatan Siam.

Parti Islam Sa-Tanah Melayu baharu2 ini telah menudoh bahawa orang2 Melayu di-Selatan Siam tidak di-beri layanan yang sama dengan raayat2 Siam dan juga orang2 Melayu di-sana telah di-paksa menyembah berhalo.

Menteri Siam itu telah memberi tahu pemberita2 akhbar bahawa kerajaan-nya bersedia memberi kemudahan2 kepada sesiapa juga yang mahu memeriksa akan kedudukan yang sa-benar2-nya di-keempat2 wilayah Selatan Siam yang bersempadan dengan Malaya.

Beliau mensifatkan tuduhan2 yang di-buat oleh Parti Islam Sa-Tanah Melayu itu sa-bagai perchubaan hendak merosakkan perhubungan yang baik di-antara Siam dan Malaya.

Beliau berkata bahawa kerajaan Malaya chukup faham akan gerak geri kerajaan Siam.

Menteri Siam itu telah menyatakan bahawa kerajaan-nya menggalakkan ugama Islam dengan memberi bantuan wang untuk mendirikan dan membaiki mesjid2.

Kerajaan Siam telah melantek sa-bberapa banyak yang boleh dari orang2 Melayu untuk memenohi jawatan2 kerajaan di-Selatan Siam, beliau menambah kata.

KUMPULAN2 PENGAROH TENTERA

JAKARTA. — Menteri Keselamatan dan Ketua Turus Agong Angkatan Bersenjata Indonesia, General Abdul Haris Nasution, telah menudoh "satu kumpulan atau parti yang tertentu" atas perchubaan hendak mengpengaruhi angkatan bersenjata supaya memperchayai fahaman yang di-anut-nya.

Menteri itu tatkala berucap kepada tentera2 di-Medan berkata bahawa perselisihan2 telah terbit dari gerakan2 kemajuan Indonesia menghala terchapainya masharakat jenis sosialis, "tetapi angkatan bersenjata mestilah mempunyai satu pendirian".

Beliau berkata bahawa dasar keselamatan kerajaan akan sentiasa di-tentang, sama ada oleh mereka yang sedang berjuang di-dalam hutan2 rimba atau pun oleh "kumpulan2 yang di-luar pagar" yang menentang dari terchapai-nya keselamatan negara di-Indonesia".